TARIKH: 4/9/23.
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 25

# PERKESO galak kerjasama wakil rakyat laksana inisiatif taja suri rumah

**KUANTAN -** Seramai 6,453 suri rumah di negeri ini telah mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dalam tempoh Disember tahun lalu hingga 21 Ogos tahun ini.

Daripada jumlah itu, 854 suri rumah merupakan pencarum SKSSR secara sukarela dan 5,599 orang lagi melalui inisiatif kerajaan.

Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Pahang, Hisham Abdul Rahman berkata, SKSSR yang berkuat kuasa pada 1 Disember tahun lalu diperkenalkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 sebagai perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah berusia di bawah 55 tahun daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga.

Menurutnya, PERKESO Pahang sedang giat mempromosikan skim itu bagi menarik minat golongan suri rumah menjadi pencarum secara sukarela.

"Kita sasarkan kira-kira 16,000 suri rumah mendapat perlindungan melalui SKSSR di Pahang tahun ini.

"Sebab itu kita galakan golongan itu untuk mencarum secara sukarela dengan bayaran serendah RM120 setahun bagi melayakkan mereka menerima faedah perlindungan yang ditawarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penyerahan tajaan SKSSR oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semambu, Chan Chun Kuang kepada 30 suri rumah dalam kalangan B40 kawasan DUN itu di sini, pada Ahad.

Hisham berkata, Chun Kuang merupakan ADUN Pahang pertama yang menaja SKSSR kepada golongan suri rumah yang memerlukan di kawasannya.



**Hisham (depan, lima dari kanan) dan Chun Kuang (depan, empat dari kiri) bersama sebahagian suri rumah yang menerima tajaan SKSSR DUN Semambu pada Ahad.**

"Kami amat mengalu-alukan kerjasama ADUN untuk turut melaksanakan inisiatif ini bagi membantu golongan suri rumah.

"Kami telah menyerahkan kertas kerja tajaan SKSSR kepada beberapa ADUN di Pahang dan kita yakin mereka juga akan mengikut langkah sama," ujarnya.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau emel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga 8 malam setiap hari